

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ALLAHYARHAM SITI KHADIJAH BT ABDULLAH
(ORANG ASLI BERAGAMA ISLAM) TELAH MENINGGAL DUNIA**

1. TAJUK PERSOALAN

Siti Khadijah bte Abdullah telah meninggal dunia pada 24/12/1992 di Kampong Orang Asli, Pulau Lumut kerana sakit lelah dan batuk, Mayat tersebut diselenggarakan mengikut adat istiadat Orang Asli dan ditanam di tanah perkuburan Orang Asli, Pulau Lumut, sehari, selepas simati dikebumikan, suami simati telah melapurkan kepada guru Sekolah Kebangsaan Pulau Lumut (Cikgu Suhaidi bin Sujak) bahawa simati beragama Islam. Simati memeluk agama Islam pada 16/9/1939 dengan nombor pendaftaran 165/39 fail rujukan 25/39 dan didaftarkan di Pejabat Agama Islam dan adat istiadat Melayu Perak. Kemudian dilapurkan pula kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor dan seterusnya dimaklumkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor untuk apa-apa tindakan yang perlu.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti berpandukan laporan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam mengambil keputusan.

Keputusannya adalah seperti berikut :

" Bahawa Mayat simati Siti Khadijah bte Abdullah yang beragama Islam telah meninggal dunia pada 24/12/1992 dan dikuburkan di tanah perkuburan orang bukan Islam mengikut adat istiadat Orang Asli, adalah tidak perlu lagi dipindahkan ke tanah perkuburan Orang Islam, disembahyangkan dan di kafankan kerana mayat tersebut telah hancur dan perbuatan mereka yang menguburkan tidak disengajakan dan tidak tahu hukum Islam.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 24 Syaaban 1413 Hijrah bersamaan 16 Febuari 1993.